



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولوا فينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH

NAFAS BAHARU RAMADAN: SELAMATKAN KEHIDUPAN



Tarikh Bacaan:
6 FEBRUARI 2026M / 18 SYAABAN 1447H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Nafas Baharu Ramadan: Selamatkan Kehidupan

6 Februari 2026M/ 18 Syaaban 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١١٥﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَاتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan selawat ke atas Nabi Muhammad صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى.

Khatib juga mengingatkan para jemaah agar memberikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia. Alangkah ruginya kita yang sudah berada dalam masjid ini, tetapi masih terleka dengan urusan dunia. Dengarlah baik-baik, kerana pada hari yang mulia ini, mimbar ingin mengetuk pintu hati kita semua dengan satu peringatan besar, bersempena kedatangan bulan Ramadan yang penuh keberkatan, melalui khutbah yang bertajuk: **Nafas Baharu Ramadan: Selamatkan Kehidupan.**



SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kesihatan paru-paru adalah nikmat asas kehidupan. Setiap hela nafas yang kita sedut membolehkan kita berdiri untuk solat, membaca Al-Quran dan beribadat kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Namun hari ini, nikmat ini sedang diancam oleh satu tabiat yang dianggap biasa, tetapi sebenarnya sangat merosakkan, iaitu merokok dan penggunaan *vape*. Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang dibacakan di awal khutbah tadi bermaksud:

“Dan berbelanjalah (harta bendamu) di jalan Allah (untuk menegakkan agama Allah) dan janganlah kamu mencampakkan dirimu sendiri ke dalam kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berbuat baik.”

Merokok dan menghisap *vape* adalah antara perbuatan yang secara perlahan-lahan mencampakkan diri ke arah kebinasaan, walaupun kesannya tidak serta-merta dirasakan.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Apakah itu rokok dan apakah kandungannya? Rokok bukan sekadar tembakau yang dibakar. Ia mengandungi lebih 4,000 bahan kimia, dan puluhan daripadanya bersifat racun serta boleh menyebabkan pelbagai penyakit kronik antaranya serangan jantung, strok, kanser mulut dan tekak. Antara bahan utamanya ialah:

Pertama: Nikotin iaitu bahan yang menyebabkan ketagihan, meningkatkan tekanan darah dan memaksa jantung bekerja lebih kuat.

Kedua: Tar iaitu bahan melekit yang mendap di paru-paru dan merosakkan saluran pernafasan.

Ketiga: Karbon monoksida iaitu gas beracun yang menggantikan oksigen dalam darah.

Bahan-bahan ini disedut masuk ke dalam paru-paru, diserap ke dalam darah dan seterusnya merosakkan seluruh sistem tubuh badan. Allah berfirman dalam surah al-A'raf ayat 157:

... وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَاتِ ... ﴿١٥٧﴾

Maksudnya: "...dan menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan bagi mereka segala benda yang buruk...."

Rokok dan vape jelas tergolong dalam perkara yang buruk dan memudaratkan, maka ia wajar di jauhi oleh orang beriman.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Lebih menyedihkan, asap rokok bukan sahaja membunuh perokok, tetapi juga memudaratkan orang sekeliling, termasuk anak kecil dan ahli keluarga melalui asap rokok pasif. Daripada Abu Said Al-Qudri رَضِيَ اللهُ عَنْهُ bahawa Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda maksudnya:

"Tidak boleh melakukan sesuatu yang berbahaya dan menimbulkan bahaya bagi orang lain." (Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Hadis ini menjadi asas jelas bahawa perbuatan memudaratkan diri sendiri dan orang lain adalah dilarang dalam Islam.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Islam adalah agama yang memelihara kesejahteraan manusia. Prinsip Maqasid Syariah menuntut agar agama, nyawa, akal, harta dan keturunan dipelihara. Justeru, amalan merokok dan menghisap vape yang merosakkan kesihatan, membazirkan harta dan menjejaskan masa depan generasi muda adalah bertentangan dengan tujuan syariah.

Rokok dan vape juga merupakan produk yang memberi sumbangan besar kepada zionis. Bayangkan, apabila kita membelanjakan harta untuk membeli rokok dan vape ia bermakna kita bersubahat dalam pembunuhan dan pembantaian umat Islam di Gaza walaupun ia berlaku secara tidak langsung. Di mana solidariti yang kita laung-laungkan kononnya kita menyokong Gaza dan Palestin?

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa amalan merokok adalah haram dan penggunaan rokok elektronik serta vape juga adalah haram kerana kemudaratannya yang jelas. Dalam usaha melindungi kesihatan awam, kerajaan telah melaksanakan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) sebagai langkah pencegahan dan perlindungan, khususnya kepada anak-anak dan generasi muda. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* berfirman dalam surah al-Maidah ayat 32:

... وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا... ﴿٣٢﴾

Maksudnya: *“Dan sesiapa yang menghidupkan (memelihara kehidupan) seorang manusia maka, seolah-olah dia telah menghidupkan kehidupan seluruh manusia”*

Usaha ini bukan bertujuan menghukum, tetapi untuk menyelamatkan nyawa dan masa depan umat.

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Bagaimana Ramadan boleh membantu kita berhenti merokok? Ramadan adalah bulan tarbiah dan pengendalian diri. Jika seseorang mampu menahan diri daripada merokok sepanjang siang hari Ramadan, maka itu bukti bahawa ketagihan boleh dikawal.

Rasulullah ﷺ bersabda yang bermaksud:

“Wahai para pemuda, sesiapa yang mampu menahan dirinya, maka hendaklah dia menahan diri.” (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Antara langkah yang boleh diamalkan sepanjang bulan Ramadan kelak adalah seperti berikut:

Pertama: Niat berhenti kerana Allah.

Kedua: Jangan kembali merokok selepas berbuka.

Ketiga: Isi masa dengan solat, zikir dan membaca al-Quran.

Keempat: Dapatkan sokongan keluarga.

Kelima: Mohon bantuan melalui klinik berhenti merokok di klinik kesihatan berdekatan.

Setiap usaha meninggalkan rokok dan vape demi menjaga kesihatan adalah amal soleh yang besar nilainya di sisi Allah. Sesungguhnya Ramadan yang bakal menjelang adalah peluang terbaik untuk melakukan

perubahan. Inilah yang dimaksudkan dengan nafas baru Ramadan yakni nafas yang bersih tanpa rokok, nafas yang sihat untuk sujud kepada Allah dan nafas yang membawa keberkatan kepada keluarga dan masyarakat.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai kesimpulan khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak diri saya dan sidang Jumaat sekalian untuk mengambil perhatian terhadap beberapa perkara penting berikut:

Pertama: Kesihatan tubuh badan dan paru-paru yang sihat adalah amanah Allah yang wajib dipelihara.

Kedua: Rokok dan vape membawa kemudaratan besar kepada diri dan orang lain serta wajib dijauhi.

Ketiga: Larangan agama dan pelaksanaan Akta 852 bertujuan melindungi nyawa dan masa depan ummah.

Keempat: Ramadan adalah peluang terbaik untuk berhenti merokok dan memulakan nafas baru kepada kehidupan yang lebih sihat dan direcai Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 281:

وَاتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ ﴿٢٨١﴾

Maksudnya: “Dan takutlah diri kamu huru-hara (hari kiamat), yang padanya kamu semua akan dikembalikan kepada Allah. Kemudian setiap

orang akan disempurnakan oleh Allah balasan mengikut apa-apa yang telah dilakukan dan mereka tidak dizalimi.”

بَارِكِ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang memutuskan hukum penggunaan rokok elektronik dan vape adalah haram, dan umat Islam dilarang terlibat dengan sebarang aktiviti berkaitan dengannya.

Selain itu, Kempen Respek Ramadan di bawah Seksyen 15, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996 bertujuan memastikan tidak berlaku perbuatan berbuka puasa di khalayak ramai serta sebarang aktiviti yang bercanggah dengan kesucian Ramadan.

Kempen ini dilaksanakan setiap tahun menjelang Ramadan. Bagi tahun 2026, pelancarannya akan diadakan pada 5 Februari 2026 bertempat di Masjid Jamek Al-Marbawi, Merbau Kudong, Sungai Dua.

Mana-mana orang Islam yang didapati melakukan kesalahan tersebut boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Sekiranya terdapat sebarang perlakuan mungkar, orang ramai digalakkan untuk membuat aduan dengan segera kepada Jawatankuasa Kariah atau Bahagian Penguatkuasaan JHEAIPP.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصِرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلَايَتَنَا فِيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْرِيَا خُصُوصًا وِلَايَةً فُؤَلَاوِ فَيَنْعِ آمِنَا مُظْمِنًا سَخَاءَ رَحَاءَ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُؤَسَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato' Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG